

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 NOVEMBER 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
PAUTAN :<https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2023/11/178237/kertas-konsep-govtech-akan-dibentangkan-di-mesyuarat-mten-pada-disember>

Kertas konsep GOVTECH akan dibentangkan di mesyuarat MTEN pada Disember



Gambar fail. Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli. - NSTP/ASYRAF HAMZAH

KUALA LUMPUR: Kertas konsep GOVTECH akan dibentangkan di mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) akan datang pada Disember sejajar usaha memperkasakan transfromasi digital di Malaysia.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata kertas konsep itu akan menggariskan inisiatif strategik dan penyelesaian teknologi inovatif yang dicadangkan oleh GOVTECH untuk meningkatkan perkhidmatan sektor awam.

Beliau berkata, fokusnya adalah pada memanfaatkan teknologi terkini untuk memperkemas operasi kerajaan, meningkatkan kecekapan dan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada orang awam.

"Pembentangan ini adalah langkah kritikal dalam mengintegrasikan teknologi ke dalam proses kerajaan, yang melambangkan komitmen terhadap transformasi digital dan pemodenan dalam sektor awam," katanya dalam satu kenyataan.

Rafizi berkata, GOVTECH bertujuan untuk merevolusikan perkhidmatan sektor awam dengan mengintegrasikan operasi kerajaan ke dalam satu platform digital yang serba lengkap dan berkesan.

Beliau berkata, inisiatif itu berpusat pada penciptaan ekosistem digital yang saling berhubung, membolehkan rakyat mengakses pelbagai perkhidmatan kerajaan dengan mudah dan cekap.

Katanya, dengan memanfaatkan data dan analitik, GOVTECH berusaha untuk menggerakkan tadbir urus yang lebih bermaklumat, tanggap, dan berkesan.

"Pendekatan ini membabitkan penggunaan strategik data besar untuk lebih memahami keperluan rakyat, meramalkan trend, dan membuat keputusan berdasarkan bukti.

"Penggabungan analitik canggih akan memungkinkan penyampaian perkhidmatan yang lebih tertumpu dan cekap, memastikan tindakan kerajaan sentiasa selaras dengan keperluan rakyat yang berkembang.

"Transformasi digital ini menandakan perubahan besar ke arah sektor awam yang lebih moden, mesra pengguna, dan

didorong oleh data," katanya.

Mengenai pembinaan kepimpinan digital, Rafizi berkata, kohort pertama Program Kepimpinan Digital Eksekutif (EDL) dilancarkan awal minggu ini pada 14 November 2023.

Beliau berkata, kohort pertama itu terdiri daripada 55 peserta, dengan 35 daripada mereka datang dari sektor awam dan 20 lagi dari sektor swasta, melebihi sasaran awal 50 peserta.

Katanya, pengambilan program seperti EDL secara konsisten akan memastikan generasi yang berikutnya akan memiliki kemampuan untuk membawa Malaysia maju ke era kemajuan teknologi seterusnya.